

NOVEMBER
2024

*Asyiqin
Kesemilanghan*

PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | www.pknpp.gov.my

PRIVATE VIEWING OF THE LATEST CREATIONS TENUN PAHANG DIRAJA



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP bergambar bersama-sama Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang dan tetamu-tetamu kenamaan

Kuala Lumpur, 15 November - PKNP Tenun Pahang Soi Sdn. Bhd. (PTPS), kali ini mengangkat tema monochrome dalam penghasilan koleksi Tenun Pahang Diraja di Sesi "Private Viewing of The Latest Creations Tenun Pahang Diraja" yang diadakan di Kuala Lumpur.

Pada tahun ini, kira-kira 180 koleksi eksklusif Tenun Pahang Diraja dipamerkan dalam acara yang dihadiri 250 orang tetamu kenamaan. Setiap helai kain tenun mempunyai sentuhan peribadi daripada pereka - pereka PKNP Tenun Pahang Soi dalam menggabungkan penggunaan warna, teknik, motif dan tatarias yang pelbagai bagi menjadikan setiap helaian nampak unik dan anggun.

Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj berkenan mencemar duli ke sesi ini dan melihat koleksi-koleksi hasil tangan 16 orang penenun-penenun kami.

PKNP Tenun Pahang Soi Sdn. Bhd. merupakan anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) yang memfokuskan kerja - kerja penenunan dan penjualan kain dan hasil kraf tangan Tenun Pahang Diraja.



Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang turut mencemar duli bagi melihat koleksi terbaru daripada PKNP Tenun Pahang Soi Sdn Bhd



Seramai 250 orang tetamu kenamaan hadir bagi melihat sendiri sentuhan peribadi pereka-pereka PKNP Tenun Pahang Soi

PKNP SERTAI KONVENSYEN FUJIAN DUNIA – PAMERAN PERDAGANGAN DAN FORUM EKONOMI 2024



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP bergambar bersama Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Exco Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi & Inovasi Pahang serta barisan Pempamer Invest Pahang

Kuala Lumpur, 7 November - Bernaung di bawah Invest Pahang, PKNP telah mengambil bahagian dalam Konvensyen Fujian Dunia - Pameran Perdagangan dan Forum Ekonomi kali ke-11 Anjuran Persekutuan Persatuan-Hokkien Malaysia yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) selama dua hari.

Konvensyen ini mengumpulkan peserta dan pempamer dari pelbagai sektor dan negara, bertujuan untuk memperluaskan rangkaian perniagaan antara Fujian, China, dan Malaysia serta dapat mewujudkan ruang penerokaan peluang-peluang baru yang berpotensi buat peserta, pempamer dan juga pengunjung.

PKNP turut memanfaatkan platform ini untuk menyampaikan maklumat berkaitan projek-projek dibawah seliaan PKNP khususnya berkaitan peluang-peluang pelaburan dalam sektor perindustri-an di Negeri Pahang kepada pelabur-pelabur

yang datang singgah ke ruang pameran Invest Pahang sepanjang Konvesnyen Fujian ini berlangsung.

Konvensyen Fujian Dunia 2024 ini telah dirasmikan oleh Dato' Seri Mohammad bin Sabu selaku Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta dimeriahkan lagi dengan kehadiran wakil-wakil dari negara-negara ASEAN. Penyertaan Invest Pahang turut dianugerahkan dengan "Outstanding Contribution Award" oleh pihak penganjur.

Turut hadir pada perasmian tersebut adalah YB. Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib selaku Exco Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi & Inovasi Pahang, Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Dato' Mohd Faizal bin Jaafar dan pegawai-pegawai Bahagian Perindustrian PKNP yang bertugas.

Penyertaan dibawah Invest Pahang juga turut dilengkapkan dengan penglibatan dari Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri Pahang (BPEN), Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pahang (PSK), University Collage of Yayasan Pahang (UCYP), Pahang Corporation Sdn. Bhd., dan Kuantan Port Consortium Sdn. Bhd. (KPC).



Barisan Pasukan Pempaper Invest Pahang bergambar sebagai kenang-kenangan

PROGRAM AI FOR BUSINESS: MEMBANGUNKAN USAHAWAN DENGAN TEKNOLOGI AI



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP hadir bagi merasmikan penutupan Program AI for Business

Kuantan, 6 November - Majlis perasmian penutup Program AI for Business telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd

Faizal bin Jaafar, dengan kehadiran 60 usahawan dari Pahang.

Program anjuran PKNP dengan kerjasama MDEC ini bertujuan memperkasakan usahawan PMKS dalam memanfaatkan AI untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing perniagaan.

Peserta didedahkan kepada topik menarik seperti Interaksi pelanggan dengan ChatGPT, Penciptaan kandungan AI, Copywriting AI untuk iklan dan Strategi pemasaran berasaskan AI.

Semoga program ini menjadi titik mula bagi usahawan Pahang menuju masa depan perniagaan yang lebih cemerlang dengan AI!

PROGRAM TERAS GLC PAHANG 2024 PKNP – ‘FUN WALK’ LEPAR SIHAT GALAKKAN AMALAN HIDUP SIHAT DAN CERGAS



Barisan peserta yang hadir bagi memeriahkan program bersama-sama Ahli Parlimen Paya Besar dan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP

Kuantan, 17 November - Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) telah menganjurkan aktiviti ‘Fun Walk’ Lepar Sihat bertempat di Taman Seri Mahkota Aman, Kuantan.

Aktiviti yang dianjurkan sempena Program Teras GLC Pahang 2024 ini bukan sahaja bertujuan untuk mempromosi budaya gaya hidup sihat di kalangan masyarakat, malahan aktiviti seumpama ini dapat mengeratkan hubungan silaturahim sesama penduduk setempat serta pihak-pihak yang terlibat.

Acara Fun Walk dimulakan seawal jam 7.30 pagi dengan aktiviti senamrobik sebelum sesi pelepasan peserta yang disempurnakan oleh YB. Dato’ Indera Mohd Shahr Bin Abdullah, Ahli Parlimen Paya Besar dan YH. Dato’ Mohd Faizal bin Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif PKNP.

YB. Dato’ Indera Mohd Shahr dan YH. Dato’ Mohd Faizal turut menyertai Fun Walk 3KM bersama penduduk setempat di sekitar Taman Seri Mahkota Aman.

Seterusnya, YB. Dato’ Indera Mohd Shahr dan YH. Dato’ Mohd Faizal juga telah mengadakan ziarah kasih yang mana melibatkan empat (4) buah rumah asnaf untuk memberi sokongan moral dan menyampaikan sumbangan bagi meringankan beban mereka.

Turut dianjurkan acara cabutan bertuah serta pemeriksaan kesihatan percuma oleh Poliklinik Ar-Razi.



Sesi ziarah kasih dan pemberian sumbangan oleh Ahli Parlimen Paya Besar dan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP

KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF SEKTOR AWAM (KIKSA) PAHANG DAN HARI INOVASI PERINGKAT NEGERI PAHANG TAHUN 2024 ANJURAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN



Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) PKNP hadir bagi menyatakan sokongan terhadap kumpulan KIK PKNP

Pekan, 6 November - PKNP telah menyertai pertandingan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Sektor Awam (KIKSA) Pahang selama dua hari di Ancasa Royale Pekan, Pahang.

Sebanyak tiga (3) kumpulan telah memperolehi pencapaian 2 Bintang dalam kategori KIK Penciptaan dalam Penyampaian Perkhidmatan dan Inovasi Sosial iaitu Kumpulan Synergy - Data Raya Tanah PKNP Yang Sistematik (Is-Land), Kumpulan KPI Power - Templat Dashboard Laporan Prestasi KPI (Microsoft Power BI), dan Kumpulan Prodigy - Sistem Sewaan Perindustrian (e-IndTanS). Tahniah kepada ketiga-tiga kumpulan tersebut.



Barisan peserta KIKSA Pahang bergambar bersama sebagai tanda kenang-kenangan

YBhg Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) telah menghadiri konvensyen ini bersama-sama peserta dan sekretariat Unit Pengurusan Kualiti, Risiko dan Integriti, semasa sesi Pembentangan KIKSA.

Kesemua peserta telah menghadiri Majlis Penutup yang dirasmikan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), YH Dato’ Dr Mohd Zakaria bin Ismail.

Diharapkan dengan pencapaian dan pengalaman pertama kali ini dapat menyuntik semangat daya cipta dan inovasi kepada seluruh warga kerja PKNP pada tahun-tahun akan datang.

lensaPKNP
PHOTOGRAPHY

PRIVATE VIEWING OF THE LATEST CREATIONS



**PROGRAM TERAS GLC PAHANG 2024 PKNP
– ‘FUN WALK’ LEPAR SIHAT**



Bidang Redaksi

PENAUNG / PENASIHAT
Dato' Mohd Faizal bin Jaafar
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PENYELARAS PENERBITAN
Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin
TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (PENGURUSAN)

KETUA EDITOR
Encik Muhammad Farhan
bin Mohd Kamaruzaman

GRAFIK
Puan Sharifah Nur Yusra
binti Tuan Rasil

JURUFOTO
Encik Muhammad Amjad
bin Mohamad Azhar